

**Yang Di-pertuan Agong Hadiri Majlis Sapura Dan Kencana Petroleum Red Ribbon
GP Ball 2012
Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat menghadiri majlis Sapura dan Kencana Petroleum Red Ribbon GP Ball 2012 di sini malam Khamis.

Turut hadir pada majlis mengumpul dana itu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Benefisiari majlis itu ialah Yayasan AIDS Malaysia (MAF) dan sebuah pertubuhan advokasi dan pendidikan antarabangsa Projek Kemiskinan Global.

Pada majlis itu, MAF turut memberi Anugerah Tun Dr Siti Hasmah 2012 kepada badan bukan kerajaan berpangkalan di Pulau Pinang, Persatuan Pembangunan Kesihatan Keluarga Pulau Pinang (FHDA), kerana sumbangan mereka dalam bidang berkaitan HIV/AIDS di negara ini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654307>